

→ LAPORAN AUDIT 2016

Pulau Pinang tak guna dana untuk projek PPR sejak 2013

Fakta nombor

1,156 PEMOHON

rumah kos rendah dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) masih belum menerima maklum balas kerajaan DAP Pulau Pinang

208 PEMOHON

berpendapatan melebihi RM2,500 bagi permohonan kediaman kos rendah antara 2014 hingga 2016 diluluskan kerajaan DAP Pulau Pinang

→ Akaun Amanah Pelbagai Bagi Pembiayaan Projek Perumahan Awam Kos Rendah berbaki RM121.99 juta

► Kuala Lumpur

Kerajaan DAP Pulau Pinang tidak menggunakan Akaun Amanah Pelbagai Bagi Pembiayaan Projek Perumahan Awam Kos Rendah untuk membina projek baharu sehingga mempunyai baki sebanyak RM121.99 juta.

Semakan Ketua Audit Negara mendapati wang daripada akaun itu tidak pernah dibelanjakan sejak 2013.

Semakan juga mendapati seramai 1,156 pemohon rumah kos rendah dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) masih belum menerima maklum balas kerajaan negeri walaupun sudah mendaftar melebihi 15 tahun.

"Pada pendapat Audit, pematuan terhadap syarat permohonan adalah tidak memuaskan kerana pemohon yang layak masih menunggu lama untuk mendapatkan rumah," kata Laporan Ketua Audit Negara.

Guna kaedah penswastan

Bagaimanapun, kerajaan negeri dalam maklum balasnya pada 17 Mac lalu berkata, pihaknya sudah merancang untuk membina sejumlah 9,175 unit rumah kos rendah dan sederhana rendah melalui kaedah penswastan dan meluluskan dasar peluasan kawasan pemajuan di daerah Timur Laut.

Kerajaan negeri juga didapati meluluskan sebanyak 208 permohonan berpendapatan melebihi

RM2,500 bagi permohonan kediaman kos rendah antara tahun 2014 hingga 2016.

Mengikut laporan itu, empat pemohon mempunyai pendapatan melebihi RM8,500.

208 terima rumah kos rendah

"Mengikut syarat kelayakan permohonan rumah kos rendah, pendapatan suami dan isteri hendaklah tidak melebihi RM2,500.

"Bagi tempoh 2014 hingga 2016, semakan Audit mendapati 208 pemohon yang berpendapatan melebihi RM2,500 sudah menerima rumah kos rendah, di mana pendapatan antara RM2,501 hingga RM3,500 mencatatkan bilangan kelulusan tertinggi iaitu 162 (77.9 peratus) pemohon," kata laporan itu.